

PM saksi pertukaran dokumen pengeluaran Proton di Pakistan

> Perjanjian teknikal, pelesenan babit PROTON Holdings Bhd, Al-Haj Automotive

Daripada Chok Suat Ling
bhnews@bh.com.my

Beijing

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, semalam menyaksikan pertukaran dokumen yang akan membantu pengeluaran kenderaan PROTON di kilang pemasangan baharu di Pakistan.

Pertukaran dokumen perjanjian teknikal dan pelesenan bagi projek pemasangan Proton di Pakistan itu membabitkan PROTON Holdings Bhd dan Al-Haj Automotive (Al-Haj).

Yang turut berlangsung, pertukaran dokumen antara PROTON dan China Construction Bank bagi tujuan pembiayaan yang menyaksikan PROTON bakal menerima RM1.888 bilion pembiayaan bagi pembangunan dan penyelidikan (R&D), pertukaran teknologi dan pengembangan kilangnya.

Pengerusi PROTON, Datuk Seri Syed Faisal Albar, berkata pembuat kereta nasional itu yakin dengan pemulihan syarikat berkenaan de-

ngan adanya pengenalan kereta baharu.

"PROTON perlu terus mengembangkan kehadirannya pada peringkat antarabangsa. Kami mempunyai pengasas yang tidak henti-henti memberikan sokongan untuk menjadikan impian ini satu realiti," katanya.

Beliau berkata, ini adalah model yang baik di bawah Inisiatif Jalur dan Laluan (BRI) membabitkan kerjasama tiga pihak antara Malaysia, Pakistan dan China.

PROTON secara rasminya mengumumkan bahawa ia akan menubuhkan kilang pemasangan tempatan baharu di Pakistan yang akan dimiliki dan dikendalikan oleh Al-Haj. Ia berlaku selepas PROTON memeterai perjanjian dengan Al-Haj pada 29 Ogos 2018.

Jangka mula beroperasi 2020

Kilang berkenaan akan dibina di Karachi dengan pelaburan awal berjumlah AS\$30 juta (RM121.9 juta) dan dijangka mula beroperasi sebelum penghujung 2020. Kereta pertama dijangka dikeluarkan pada Jun.

Sekitar 2,000 peluang pekerjaan langsung dijangka dicipta dalam tempoh tiga tahun pertama kilang itu beroperasi dengan tambahan 20,000 pekerjaan tidak langsung.

Selain itu, sebagai sebahagian daripada perjanjian, Al-Haj juga akan menjadi pengedar tunggal bagi kenderaan PROTON di Pakistan.

Kerjasama PROTON itu adalah tumpuan utama dalam siri perjanjian yang ditandatangani semasa lawatan Dr Mahathir ke Pakistan



Dr Mahathir menyaksikan pertukaran dokumen teknikal dan pelesenan bagi projek pemasangan Proton di Pakistan antara PROTON Holdings Bhd yang diwakili Timbalan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Radzaif Mohamed (kiri) dan Pengarah Urusan Al-Haj Automotive, Khan Afridi di Beijing, semalam.

pada Mac lalu.

Pegawai rasmi Pakistan berkata, keseluruhan perjanjian berkenaan bernilai sekitar AS\$800 juta hingga AS\$900 juta.

PROTON menasarkannya untuk menjual 400,000 unit kenderaan setahun menjelang 2027 sebagai sebahagian daripada strategi tujuh bintang dan jualan eksport serta penubuhan kilang pemasangan tempatan (CKD) di pasaran luar negara yang menjadi langkah pen-

Fakta nombor

400,000 unit

sasar penjualan Proton setahun menjelang 2027

ting untuk membantu mencapai sasaran berkenaan.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke, yang turut hadir pada majlis itu berkata, langkah berkenaan akan membantu PROTON untuk terus berkembang, menembusi pasaran antarabangsa dan meningkatkan eksport luar negara,

"Mereka akan terus membangunkan dan mengembangkan pelaburan mereka dalam R&D," katanya.